


(B) B 38/191/400/414



Rujukan:

**JPBT/KPKBT/17/003670**  
Jaring Metal Industries Sdn. Bhd.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

**AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974**

**PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING  
(BUANGAN TERJADUAL), 2005**

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING  
(PREMIS YANG DITETAPKAN) (KEMUDAHAN PENGOLAHAN  
DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL), 1989 (PINDAAN), 2006**

**PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING  
(PREMIS YANG DITETAPKAN) (KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN  
PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL), 1989 (PINDAAN), 2006**

**JADUAL PEMATUHAN**

**Nombor Lesen : 003670**

**Jenis Premis : Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak**

**Kod Buangan Terjadual Yang Diluluskan : SW 104, SW 110, SW 202, SW 204, SW 206  
SW 325, SW 401, SW 410, SW 411, SW 414  
SW 422 & SW 423**

**Nama Pemegang Lesen : Jaring Metal Industries Sdn. Bhd.**

**Nama dan Alamat Premis : Jaring Metal Industries Sdn. Bhd.  
No. 7, Jalan Sungai Kayu Ara 32/37  
Taman Berjaya, Seksyen 32  
40460 SHAH ALAM**

## SYARAT-SYARAT LESEN

### 1. KEPERLUAN ORANG BERWIBAWA DI BAWAH SEKSYEN 49A

- 1.1 Pemunya atau penghuni premis hendaklah memastikan orang berwibawa sentiasa berada di premis bagi menjalankan apa - apa aktiviti pengurusan buangan terjadual.
- 1.2 Pengurusan buangan terjadual dari aspek pengangkutan, penstoran, pemprosesan, pelupusan, pelaporan dan dokumentasi hendaklah di kawal selia oleh orang yang berkelayakan (orang yang berwibawa).

### 2. JENIS DAN KUANTITI BUANGAN TERJADUAL

- 2.1 Jenis dan kuantiti buangan terjadual yang dibenarkan untuk diperolehi kembali adalah seperti berikut:-

| Bil | Nama Buangan  | Kod Buangan | Kuantiti dibenarkan (sebulan) |
|-----|---|-------------|-------------------------------|
| 1.  | Sisa elektronik<br><br>i) <i>Waste from electrical &amp; electronic assembly eg. IC, rejected unit, wafer chip, dummy IC, substrate chip carrier &amp; capacitor.</i><br><br>ii) <i>Used computers &amp; parts, used electronic equipment &amp; parts, used electrical appliances &amp; parts and used machines &amp; parts.</i><br><br>iii) <i>Waste from plating industry eg. lead frames &amp; trim off.</i> | SW 110      | 5600 metrik tan               |
| 2.  | Dros Logam  | SW 104      | 200 metrik tan                |
| 3.  | Enapcemar hidroksida  | SW 204      | 800 metrik tan                |
| 4.  | Asid Inorganic terpakai   | SW 206      | 300 metrik tan                |
| 5.  | Sisa fotografi  | SW 423      | 100 metrik tan                |
| 6.  | Pemangkin terpakai ( <i>Spent catalyst</i> )  | SW 202      | 280 metrik tan                |
| 7.  | Resin epoksi  | SW 325      | 50 metrik tan                 |

|     |  |        |                |
|-----|--|--------|----------------|
| 8.  | Alkali terpakai  | SW 401 | 50 metrik tan  |
| 9.  | Kertas tisu tercemar   | SW 410 | 50 metrik tan  |
| 10. | Karbon diaktifkan  | SW 411 | 100 metrik tan |
| 11. | Air sisa mengandungi sianida dan logam berharga  | SW 414 | 100 metrik tan |
| 12. | <i>Metal chips</i> yang bercampur dengan <i>spent coolant</i> ( <i>Contaminated metal chip</i> ) | SW 422 | 300 metrik tan |

- 2.2 Buangan-buangan jenis lain selain dari yang dinyatakan di para 2.1 atau buangan-buangan yang tidak memenuhi *Waste Acceptance Criteria* (WAC) adalah dilarang diterima untuk diproses bagi tujuan pemerolehan kembali tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling terlebih dahulu. **Lampiran WAC hendaklah dilengkapkan dan dikembalikan ke Jabatan ini dalam tempoh satu bulan dari tarikh pembaharuan lesen.**
- 2.3 Sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual adalah dilarang sama sekali tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling terlebih dahulu.
- 2.4 Sebarang peningkatan kapasiti premis / kemudahan atau perubahan kepada jenis buangan terjadual atau proses-proses yang terlibat perlulah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dari Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

### 3. PUNCA BUANGAN

- 3.1 Senarai premis punca buangan bagi buangan di para 2.1 adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.2 Permohonan untuk menambah punca pengeluaran buangan hendaklah mengemukakan:-
- 3.2.1 Borang TWG/SBT/99-1;
  - 3.2.2 Borang TWG/SBT/99-2;
  - 3.2.3 **Lampiran A** yang mengandungi senarai pengeluaran buangan terkini.